



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426

ukk@dof.gov.my

<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(158)

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERTUKARAN DOKUMEN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA DAN AGENSI LUAR

SERDANG, 12 SEPTEMBER 2024 – Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyaksikan pertukaran empat Memorandum Persefahaman (MOU) antara Jabatan Perikanan Malaysia dan sektor swasta, perbadanan serta Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Majlis pertukaran MoU yang diadakan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 ini melibatkan Yayasan Petronas, Dana Hidupan Liar Sedunia (WWF), Universiti Putra Malaysia (UPM), serta Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah sebagai usaha kerjasama dalam memulihara habitat marin. Fokus utama MOU ini adalah bagi membangunkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan khususnya dalam bidang berkaitan perikanan seperti pemetaan rumput laut, pemuliharaan ekologi marin, air tawar, akuakultur, kesihatan ikan, inovasi produk perikanan, oseanografi serta perubahan iklim.

Dengan temeterainya perjanjian tersebut membolehkan kedua-dua pihak memanfaatkan sumber dan kepakaran masing-masing ke arah memastikan keselamatan makanan, menjamin sumber perikanan yang mampan seterusnya dapat meningkatkan nilai sumbangan produktiviti untuk pembangunan sektor perikanan.

Dato' Haji Adnan Hussain, Ketua Pengarah Perikanan berkata kerjasama ini dapat memperbaiki pemetaan rumput laut, menjalankan penyelidikan yang mendalam, serta melindungi biodiversiti yang amat berharga bagi generasi akan datang.

Jelas beliau lagi, Malaysia dianugerahkan dengan limpahan sumber asli dari darat ke laut dan menjadi salah sebuah negara disenaraikan sebagai *Mega Biodiverse Country* kerana terletak dalam lingkungan perairan segitiga terumbu karang (*coral triangle*) atas kepelbagaian biologi yang tinggi. Perkhidmatan ekosistem marin di taman laut pula dianggarkan menyumbang sebanyak RM8.7 billion setahun.



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

“Tanpa ekosistem marin yang sihat maka kehidupan rakyat akan terjejas akibat kekurangan makanan, hilang punca pendapatan, peningkatan keperluan peruntukan kewangan untuk remediasi kemusnahan habitat dan nilai-nilai ekonomi dan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar(KDNK) tentunya akan berkurangan. Oleh itu, pengurusan berkesan sumber biodiversiti marin termasuk sumber perikanan adalah amat penting sentiasa diberikan penekanan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan PETRONAS, Puan Hajah Shariah Nelly Francis, berkata MoU yang disepakati ini dapat mempromosi serta memajukan pemuliharaan alam sekitar di Semenanjung Malaysia khususnya dalam pemuliharaan rumput laut.

“Yayasan Petronas komited untuk melaksanakan inisiatif yang bukan sahaja menjaga alam sekitar dan memulihara ekosistem rumput laut, tetapi juga memperkukuh daya tahan komuniti dalam menghadapi cabaran perubahan iklim pada masa hadapan. Kajian dan penyelidikan pemuliharaan menerusi penghasilan pemetaan rumput laut yang komprehensif akan menyumbang kepada peningkatan pemahaman tentang fungsi pengurusan dan konservasi ekosistem ini,” ujarnya.

MAHA 2024 yang berlangsung di MAEPS, merupakan acara terbesar yang mempamerkan inovasi dan pencapaian dalam bidang pertanian, hortikultur, dan agro pelancongan. Majlis pertukaran MOU ini merupakan sebahagian daripada program MAHA 2024 dan menunjukkan komitmen bersama dalam memajukan sektor perikanan serta pemuliharaan alam sekitar.

Hadir sama, Dato' Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Naib Canselor UPM, Prof. Madya Dr. Ching Fui Fui, Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo USM dan Encik Thiagarajan Nadeson, Pengarah Unit Dana WWF Malaysia.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my